# TAEKWONDO

## 1. PERATURAN TEKNIKAL

1.1 Pertandingan acara Taekwondo ini dijalankan mengikut undang-undang seperti berikut:-

1.1.1 Undang-undang dan Peraturan AM Pertandingan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) yang dikuatkuasakan sepanjang kejohanan sukan ini.

1.1.2 Undang-Undang ***World Taekwondo Federation*** (WTF).

1.2 Kategori yang dipertandingkan adalah seperti berikut :

<table>
<tr><th>ACARA</th><th>LELAKI</th><th>WANITA</th></tr>
<tr><td rowspan="3">Poomsae</td><td>Poomsae Individu</td><td>Wanita Individu</td></tr>
<tr><td>Poomsae Berpasukan</td><td>Poomsae Berpasukan</td></tr>
<tr><td colspan="2">Poomsae Campuran</td></tr>
<tr><td rowspan="8">Kyorugi</td><td>Bawah 54kg</td><td>Bawah 46kg</td></tr>
<tr><td>Bawah 58kg</td><td>Bawah 49kg</td></tr>
<tr><td>Bawah 63kg</td><td>Bawah 53kg</td></tr>
<tr><td>Bawah 68kg</td><td>Bawah 57kg</td></tr>
<tr><td>Bawah 74kg</td><td>Bawah 62kg</td></tr>
<tr><td>Bawah 80kg</td><td>Bawah 67kg</td></tr>
<tr><td>Bawah 87kg</td><td>Bawah 73kg</td></tr>
<tr><td>87kg Ke Atas</td><td>73kg Ke Atas</td></tr>
</table>

1.3 Setiap peserta diwajibkan membuat pemeriksaan kesihatan yang disahkan oleh Pegawai Kesihatan atau Pegawai yang setaraf dengannya.

1.4 Borang Pendaftaran Penyertaan, Borang Jaminan Diri dan Borang Pemeriksaan Kesihatan hendaklah diserahkan kepada penyelaras permainan sebelum pertandingan bermula.

## 2. PERATURAN PERTANDINGAN

2.1 Cabut undi akan dijalankan sebelum kejohanan berlangsung.

2.2 Acara Kyorugi : Pertandingan akan dijalankan secara kalah mati.

2.3 Acara Poomsae : Pertandingan akan dijalankan secara penilaian berkumpulan dan semua acara yang dipertandingkan adalah peringkat akhir.

2.4 Bagi acara Kyorugi sistem *'Best Of Three'* akan diguna pakai bagi penentuan pemenang. Masa yang di peruntukkan bagi setiap pusingan adalah 2 minit dan 1 minit rehat, 3 pusingan akan diperuntukkan untuk setiap perlawanan. Bagaimanapun ia tertakluk kepada sebarang perubahan semasa pertandingan.

2.5 Bagi acara poomsae, setiap peserta perlu bersedia dengan 'pattern' seperti berikut :

| LELAKI & WANITA | PUSINGAN AWAL HINGGA AKHIR |
|---|---|
| Individu | Taeguk 6, 7, 8 Jang, Koryo,<br>Keumgang, Taeback, Pyongwon, Shipjin |
| Berpasukan<br>(3 Orang) | |
| Campuran<br>(2 Orang) | |

2.6 'Pattern' yang akan dipertandingkan di peringkat awal dan akhir akan ditentukan melalui undian sebelum kejohanan berlangsung.

2.7 Bagi acara poomsae, semua peserta dikehendaki untuk melakukan dua (2) 'pattern' di pusingan awal dan akhir.

2.8 Peserta yang kalah di separuh akhir bagi acara kyorugi dan peserta ditempat keempat bagi acara poomsae dikira sebagai pemenang pingat gangsa bersama.

2.9 Peserta DIWAJIBKAN untuk menjalani sesi timbang berat sehari sebelum pertandingan bermula. (bagi acara Kyorugi sahaja).

2.10 Berat semua peserta mestilah tetap mengikut kategori yang didaftarkan. Peserta akan digugurkan sekiranya melebihi atau berada di bawah berat kategori yang didaftarkan.

2.11 Timbang berat percubaan akan dijalankan satu jam sebelum timbang berat rasmi untuk mengurangkan pengguguran kategori.

2.12 Seorang peserta Poomsae hanya **DIBENARKAN** menyertai dua (2) kategori sahaja bagi acara poomsae.

2.13 Peralatan pertandingan hendaklah di bawa sendiri oleh pasukan/universiti masing-masing. Contoh : Head Gear, Body Protector dan lain-lain.

2.14 Semasa kejohanan berlangsung, sebanyak 3 panggilan akan diberikan kepada peserta yang lewat dan selepas masa itu pihak lawannya akan diberikan kemenangan percuma.

## 3. RINGKASAN PENYERTAAN

| Bil. | Kategori | Atlet | | Pegawai | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Lelaki | Wanita | Pengurus | Jurulatih | Perubatan |
| 1 | Bawah 54kg | 1 | | 2 | 2 | 1 |
| 2 | Bawah 58kg | 1 | | | | |
| 3 | Bawah 63kg | 1 | | | | |
| 4 | Bawah 68kg | 1 | | | | |
| 5 | Bawah 74kg | 1 | | | | |
| 6 | Bawah 80kg | 1 | | | | |
| 7 | Bawah 87kg | 1 | | | | |
| 8 | 87kg Ke Atas | 1 | | | | |
| 9 | Bawah 46kg | | 1 | | | |
| 10 | Bawah 49kg | | 1 | | | |
| 11 | Bawah 53kg | | 1 | | | |
| 12 | Bawah 57kg | | 1 | | | |
| 13 | Bawah 62kg | | 1 | | | |
| 14 | Bawah 67kg | | 1 | | | |
| 15 | Bawah 73kg | | 1 | | | |
| 16 | 73kg Ke Atas | | 1 | | | |
| 17 | Poomsae Individu | 1 | 1 | | | |
| 18 | Poomsae Berpasukan | 3 | 3 | | | |
| 19 | Poomsae Campuran | 1 | 1 | | | |

## 4. PENYERTAAN PASUKAN

4.1 Setiap acara akan dipertandingkan sekiranya terdapat empat (4) atau lebih pasukan yang mengambil bahagian